



Impak Pembangunan Infrastruktur ke atas Pembangunan Komuniti Penduduk di Daerah Pendang dan Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, Malaysia

Noraniza Binti Yusoff*

Azlizan Talib

Yusuf Pon

*Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah*

*Corresponding author; email: noraniza@uum.edu.my

ABSTRAK

Pembangunan infrastruktur di sesuatu kawasan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk termasuk peningkatan dalam pendapatan, peningkatan dalam taraf pekerjaan dan pendidikan. Justeru kajian impak pembangunan infrastruktur ke atas pembangunan komuniti penduduk di Daerah Pendang dan Kubang Pasu memfokuskan kepada beberapa objektif antaranya ialah pertama mengkaji impak pembangunan infrastruktur ke atas pembangunan komuniti penduduk di Daerah Kubang Pasu dan Pendang dan mengenal pasti pertalian antara penerima kesan dengan aspek demografi. Kajian adalah berbentuk kuantitatif yang dilakukan ke atas 366 orang responden di empat buah Kampung di Daerah Kubang Pasu dan empat buah Kampung di Daerah Pendang menggunakan borang kaji selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa taraf hidup responden kedua-dua daerah masih rendah dari segi pendapatan, pekerjaan dan taraf pendidikan. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa golongan berpendidikan rendah dan bekerja sendiri kurang menggunakan beberapa kemudahan yang telah disediakan khususnya kemudahan komunikasi. Berdasarkan teori Frishchmann, infrastruktur kurang memberi kesan ke atas daya keluaran dan komuniti kurang kebolehan untuk berkongsi kemudahan infrastruktur. Keadaan ekonomi dan sosial yang rendah juga boleh dikaitkan dengan luaran yang positif iaitu apabila seorang individu atau firma yang membuat keputusan tidak menerima manfaat penuh daripada keputusan dalam pembangunan infrastruktur. Secara keseluruhan berdasarkan kepada pernyataan 5 dan 6 teori pembangunan yang dipengaruhi infrastruktur mencadangkan peralihan besar dalam perbelanjaan kerajaan ke arah infrastruktur yang akan menjana kesan wajar melalui kewujudan tahap kecekapan pelaburan awam yang cukup tinggi. Jika tahap kecekapan tentang pelaburan rendah maka kesan langsung tentang infrastruktur awam ke atas keluaran agak terhad.

Katakunci: *pembangunan infrastruktur, pembangunan komuniti, taraf hidup, impak*

Infrastructure Development Impact on Inhabitant Community Development at Kubang Pasu and Pendang District, Kedah Darul Aman, Malaysia

ABSTRACT

Infrastructure development in an area intended to improve the standard of living, including the increase in revenue, an increase in employment status and education. Thus the infrastructure impact study on the development of communities in the District of Kubang Pasu and Pendang focusing on several objectives of which are first to

examine the impact of infrastructure on the development of communities in the District of Kubang Pasu and Pendang and identify relationship between the recipient of the effects of demographic aspects. Form of quantitative research is conducted on 366 respondents in the four village in the District of Kubang Pasu and four village in the District Pendang using the survey form. The results showed that respondents living standard of the area is still low in terms of income, employment and educational status. The study also showed that the less educated and self-employed less use some facilities provided, especially communication facilities. Based on Frishchmann theory, infrastructure less impact on productive and community less ability to share infrastructure. Low economic and social conditions may also be associated with positive externalities namely when an individual and firm that decided not to receive the full benefit of the result in infrastructure development. As a whole based on the expression 5 and 6 of development theory that affected by infrastructure proposed major shift in government spending towards infrastructure that will generate possible effect through existence adequate high efficiency level of public investment. If efficiency level of investment is low then direct impact of public infrastructure on output quite limited.

Keyword: *intrastructure development, community development, standard of living, impact*

PENGENALAN

Pembangunan komuniti bagi masyarakat luar bandar di Malaysia bukan lagi sesuatu isu yang baru, bahkan ianya menjadi sebahagian daripada pengisian dasar-dasar pembangunan negara. Sebagai contohnya jika dilihat daripada Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (1971 hingga 1990) mengandungi pelbagai dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Perindustrian Negara dan Dasar Pertanian Negara yang menekankan kepada pembangunan komuniti bumiputera. Penekanan terhadap pembangunan komuniti bumiputera tersebut merangkumi aspek ekonomi dan sosial seperti peningkatan pendapatan, pendidikan dan ekuiti (Malaysia Kita, 2004). Hubungan pembangunan komuniti dengan penyediaan infrastruktur boleh digambarkan melalui mewujudkan rangkaian pengangkutan, komunikasi dan meningkatkan kemudahan bekalan air, elektrik dan pembentungan bagi memberi tumpuan kepada pelaburan dan industri untuk meningkatkan pendapatan dan ekuiti komuniti.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memberi definisi pembangunan komuniti iaitu ‘pembangunan masyarakat merupakan proses yang mana usaha manusia dalam masyarakat digabungkan dengan usaha-usaha badan kerajaan dan bukan kerajaan untuk memperbaiki taraf ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat supaya kemajuan ini nanti akan mewujudkan pembangunan negara keseluruhannya’.

Di bawah Agenda 21 Tempatan (*Local Agenda 21*), komuniti terdiri daripada orang awam, pengguna, Badan Bukan Kerajaan (*Non Governmental Organization* atau NGO), CEO, Jabatan Penduduk (*Resident Associations*) badan-badan profesional, media massa dan lain-lain institusi (<http://www.kpkt.gov.my/jkt/la21/eng1/>). Komuniti menurut South Gloucestershire Council (2003), adalah lokaliti (kedudukan sesuatu kawasan) seperti kejiranan yang mana berkongsi identiti budaya serta meliputi sekumpulan manusia yang berkongsi pengalaman komuniti yang biasa serta berkongsi minat. Lerner (1999), mendefinisikan komuniti sebagai satu kumpulan manusia yang mempunyai sesuatu yang sama berdasarkan tempat, minat dan identiti. Berdasarkan tempat, komuniti adalah satu kumpulan manusia yang tinggal di suatu tempat yang sama, sama ada besar atau kecil dan dengan bilangan penduduk berjuta orang atau hanya sedikit orang. Komuniti, kadang-kadang boleh meliputi unit kampung, pekan, bandar dan negeri. Minat dan identiti pula termasuklah kerjaya, etnik (kaum), agama, bahasa dan hobi yang dikongsi bersama.

Menurut Uhegbu (2001), istilah komuniti biasanya melambangkan sesuatu yang kecil, pemusatan secara politik, unit ekonomi dan sosial yang mana ahlinya berkongsi nilai secara umum. Perkongsian nilai telah diteguhkan dan disokong oleh kekayaan istiadat dan upacara berbanding dengan peraturan dan polisi. Menurut Anyanwu (1992), dalam pandangan Otubanjo, komuniti adalah mempunyai pertalian dengan kawasan yang terpencil yang mempunyai penduduk yang stabil dan bergantung kepada kemudahan

aktiviti ekonomi dan sosial serta mengambil berat tentang hubungan sosial. Satu komuniti merupakan satu sistem sosial, satu kawasan untuk berlakunya kehidupan. Ia terdiri daripada penduduk yang mana kesemua ahli mempunyai hubungan sosial secara langsung atau tidak langsung antara satu sama lain. Hubungan sosial ini terarah dan membentuk struktur sosial komuniti tersebut. Dalam diri mereka tertanam hubungan yang mana mempersembahkan komuniti tersebut sebagai satu rangkaian yang terkandung fenomena sosial (Anyanwu, 1992).

Oleh itu, berdasarkan Anyanwu (1992), komuniti adalah boleh dikatakan sebagai satu kawasan kehidupan sosial, institusi dan struktur tempatan yang mana manusia boleh membangunkan potensi mereka dan mencapai kehendak. Dalam komuniti juga manusia bekerja untuk mencapai keperluan hidup. Dalamnya, mereka meningkatkan kehidupan keluarga, mencari makna kehidupan, dan pemujaan/penyembahan untuk menunjukkan kepercayaan mereka. Dalam komuniti manusia memperoleh, memahami dan mempelajari untuk menyesuaikan diri mereka dengan persekitaran. Demikian, komuniti mempunyai cara berfikir, kepercayaan dan perasaan, yang mana menjelaskan dan barangkali diteguhkan sebagai jalan dan struktur fizikal.

Program pembangunan komuniti merupakan salah satu strategi dan bentuk perubahan sosial yang dirancang untuk masyarakat di kebanyakan Negara Dunia Ketiga bagi meningkatkan taraf hidup rakyat dan pernah dilakukan di Amerika Syarikat sejak tahun 1930an lagi serta telah digunakan oleh penjajah Inggeris di Afrika pada tahun 1950 dan di India pada tahun 1952 (Haris Abdul Wahab, 2002). Pembangunan komuniti juga merupakan satu tindakan yang diambil untuk meningkatkan capaian komuniti kepada kemudahan ekonomi, kesihatan, pendidikan, dan kemudahan sosial yang lain. Di samping itu, ianya bertujuan untuk mengurangkan masalah yang timbul dalam komuniti berkaitan dengan aspek sosial dan ekonomi tersebut.

Menurut Edmondson (1990), pengurusan pembangunan komuniti masa kini berdepan dengan jangkaan-jangkaan baru penduduk awam, ketidaktentuan hasil, perubahan demografi, pergolakan sosial, krisis ekonomi tempatan, negeri dan negara (peringkat kebangsaan), pemimpin dan pengurus cuba mencari asas yang boleh dipertahankan dan yang boleh dipercayai atau diharapkan. Perancangan strategik menawarkan janji yang penting sebagai alat ketelusan untuk menghadapi isu-isu yang kritikal dalam bandar, untuk membina kesedaran dalam komuniti, untuk menyuntik sumber yang terhad dan untuk menyediakan rangka kerja operasi jangka pendek dan jangka panjang. Salah satu daripada prinsip perancangan strategik adalah proses untuk mencipta masa depan yang paling baik untuk organisasi melalui membenarkan posisi kepimpinan supaya bertindak lebih proaktif, berbanding reaktif (Edmondson, 1990). Kesejahteraan komuniti pula dapat dilihat dalam konteks meningkatkan taraf dan kualiti hidup mereka. Pemerintah sesebuah negara bertanggungjawab membawa pembangunan kepada komuniti mereka. Bagaimanapun, penglibatan komuniti itu sendiri penting untuk menjadikan diri mereka membangun.

United States International Cooperation Administration (1956) dalam Maimunah Ismail (1999) menyatakan ‘pembangunan masyarakat merupakan satu proses yang mana individu-individu dalam masyarakat itu bergabung untuk membuat perancangan dan tindakan. Mereka juga mengenal pasti masalah dan keperluan bersama, merancang bersama dan melaksanakan rancangan untuk mengatasi masalah dan memenuhi keperluan dengan menggunakan sumber dalam masyarakat. Rancangan tindakan oleh masyarakat juga perlu disokong melalui perkhidmatan yang datang daripada luar masyarakat khususnya badan-badan kerajaan dan swasta’.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Seluruh dunia menjadi lebih percaya kepada sektor persendirian atau swasta sebagai satu komponen perlu dalam penyampaian infrastruktur dan projek kewangan pula dipertikaikan sebagai kenderaan penting

untuk menjadikannya kenyataan. Pemimpin-pemimpin politik dunia memberi tumpuan kepada kemudahan infrastruktur untuk memperbaharui beberapa kerosakan yang berlaku dalam pasaran global (mondaq, 2009).

Pembangunan infrastruktur dilaksanakan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat. Sebagai contohnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, pembangunan rangkaian infrastruktur dan kemudahan awam meliputi pengangkutan, komunikasi, bekalan air, elektrik dan pembentungan telah ditumpukan kepada peningkatan keupayaan melalui pendekatan perancangan bersepadu bagi memastikan kemudahan yang diperlukan dapat diperolehi. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan pula, penekanan diberi kepada peningkatan keupayaan aksesibiliti di kawasan kurang maju (luar bandar), manakala di kawasan bandar pula tumpuan adalah untuk memantapkan kecekapan dan memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam. Penyediaan kemudahan awam seperti komunikasi, bekalan air, elektrik dan pembentungan telah diberi keutamaan bagi memperluaskan liputan dan mempertingkatkan kualiti hidup (Malaysia Kita, 2004). Jika dilihat tahun-tahun 1990-an dan sebelumnya, faedah pembangunan infrastruktur lebih difokuskan kepada golongan pelabur dan industri. Sebagai contohnya pada tahun-tahun 1960-an, didapati pembangunan kemudahan infrastruktur disediakan bertujuan untuk mengadakan suasana pelaburan yang baik (Malaysia Kita, 2004). Hubungan pembangunan infrastruktur dengan pembangunan komuniti Malaysia boleh dikatakan bahawa cuba untuk meningkatkan ekonomi komuniti seperti pendapatan dan sosial seperti pendidikan.

Aktiviti pelaburan seberang sempadan dan antara rantau semakin rancak terutamanya berikutan meningkatnya persaingan dan integrasi jaringan pengeluaran dan pemasaran global. Sehubungan ini, syarikat Malaysia juga perlu sentiasa proaktif dan mencari peluang pelaburan baru di dalam dan di luar negara. Tumpuan perlu diberikan kepada pembangunan *soft infrastructure* termasuk meningkatkan kualiti modal insan, keupayaan R&D serta sistem pengurusan. Dalam persekitaran global yang pesat berubah dan meningkatnya arah aliran pakatan dan jaringan strategik di kalangan sebilangan syarikat antarabangsa, pelabur Malaysia perlu membentuk usaha sama yang lebih luas dengan rakan kongsi asing serta meneroka sendiri bidang pertumbuhan yang disasarkan sama ada di dalam atau pun di luar negara. Usaha ini membolehkan syarikat Malaysia menjadi sebahagian penting daripada rantaian ekonomi antarabangsa dan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang mewujudkan peluang permintaan dan pasaran baru. Sehubungan ini, inisiatif untuk memudahkan industri menghadapi cabaran tersebut termasuk membina infrastruktur dan kemudahan perlu termasuk taman perindustrian khusus di kawasan tertentu yang berpotensi untuk menarik pelaburan. Penyediaan infrastruktur, infostruktur dan kompetensi teras yang perlu adalah penting dalam bidang utama seperti pengangkutan dan logistik yang bersepadu, pemasaran dan pengedaran, R&D dan inovasi serta kejuruteraan dan reka bentuk keluaran khusus (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Pelaksanaan *MyICMS* secara berperingkat akan meningkatkan lagi pertumbuhan infrastruktur, produk dan perkhidmatan ICT merangkumi perkhidmatan Internet, telefoni mudah alih dan penyiaran yang lebih bersepadu. Rangka Tindakan Terperinci Perkhidmatan Maklumat, Komunikasi dan Multimedia Malaysia (*MyICMS*) yang disiapkan pada tahun 2005 menyediakan garis panduan bagi pembangunan bersepadu dan tersusun untuk tiga sektor utama industri ICT iaitu perkhidmatan telefoni selular, Internet dan penyiaran. Bagi memastikan pelaburan infrastruktur komunikasi yang optimum, pembekal perkhidmatan digalakkan untuk bergabung dan berkongsi kemudahan komunikasi serta menyelaraskan pembangunan kemudahan dan sistem saling boleh kendali yang seragam bagi menyediakan perkhidmatan penyampaian yang lebih cekap serta akses kepada jalur lebar yang mampu dilanggani. Bagi tujuan ini, sektor swasta digalakkan untuk menyediakan infrastruktur bersepadu, di mana perlu, bagi memastikan akses dan sambungan yang secukupnya. Kerajaan terus memperluas dan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan komunikasi yang antara lain telah membantu pertumbuhan sektor pelancongan. Pengangkutan darat, rel dan laut yang lebih baik turut menyumbang kepada peningkatan pelancongan domestik serta pelancongan

merentasi sempadan dari Singapura, Thailand, Brunei Darussalam dan Kalimantan, Indonesia (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Teras pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) memberikan tumpuan kepada peningkatan liputan rangkaian dan penggunaan kemudahan sedia ada secara lebih optimum bagi menyokong aktiviti ekonomi. Peningkatan akses kepada kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar, mod dan perkhidmatan pengangkutan yang lebih bersepadu serta sistem bekalan air yang berkualiti dan andal akan merupakan teras dalam perancangan serta pelaksanaan projek infrastruktur. Peningkatan penggunaan kemudahan infrastruktur sedia ada adalah dengan memberi penekanan kepada sistem penyampaian dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik, peluasan rangkaian ke kawasan kurang membangun serta peningkatan keupayaan (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006). Indeks Pembangunan Jalan Raya (ukuran tahap pembangunan jalan raya yang mengambil kira keluasan dan jumlah penduduk negara) bagi tahun 2000 ialah 1.36 dan tahun 2005 ialah 1.32, panjang jalan raya (km) pada tahun 2000 ialah 5,469.8 km dan tahun 2005 ialah 5,494.8 km, kepadatan jalan (ukuran panjang lorong jalan raya dibahagikan dengan jumlah keluasan kawasan) pada tahun 2000 ialah 0.58 dan tahun 2005 ialah 0.58, dan tahap perkhidmatan (ukuran jumlah panjang lorong jalan raya bagi 1,000 penduduk) pada tahun 2000 ialah 3.27 dan tahun 2005 ialah 2.97 (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Kapasiti pengeluaran dan kuantiti bekalan air tahun 2000-2010 (juta liter sehari/jlh), bagi negeri Kedah pada tahun 2000 bagi kapasiti pengeluaran ialah 988 jlh, jumlah air dibekalkan ialah 804 jlh, pada tahun 2005 bagi kapasiti pengeluaran ialah 1,194 jlh, jumlah air dibekalkan ialah 1,098 jlh, dan pada tahun 2010 kapasiti pengeluaran ialah 1,904 jlh, jumlah air dibekalkan ialah 1,175 jlh (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006). Liputan bekalan air bandar dan luar bandar tahun 2000-2010 (% daripada penduduk) bagi negeri Kedah, pada tahun 2000 bagi bandar ialah 100.0 %, luar bandar ialah 97.0%, jumlah ialah 99.0%; pada tahun 2005 bagi bandar ialah 100.0%, luar bandar ialah 99.0% dan jumlah ialah 99.5%; dan pada tahun 2010 bagi bandar ialah 100.0%, luar bandar 100.0% dan jumlah ialah 100.0% (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam dalam tempoh RMKe-9 memberikan penekanan kepada memperluas kemudahan ke kawasan luar bandar, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan bagi menyokong aktiviti ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006). Bagi tempoh RMKe-9, peruntukan sebanyak RM2.0 bilion disediakan untuk pembangunan bioteknologi, daripada jumlah ini, 45.9 peratus disediakan untuk pembangunan infrastruktur fizikal, manakala baki sebanyak 54.1 peratus diperuntukkan kepada pembangunan *soft infrastructure* termasuk R&D dan pengkomersilan serta program pembangunan perniagaan (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Kedah, yang menjadi kawasan kajian ini turut mengalami proses pembangunan infrastruktur sepertimana negeri-negeri lain di Malaysia. Pembangunan infrastrukturnya boleh dilihat berdasarkan kepada kepimpinan yang telah menguruskan Kedah di mana Kedah telah dipimpin oleh sembilan orang Menteri Besar sejak tahun 1948 yang dimulai oleh Haji Mohamad Sherif Osman (1948-1954), diikuti oleh YTM Tunku Ismail Tunku Yahaya (1954-1959), Tan Sri Syed Omar Syed Abdullah Shahabuddin (Dato' Seri Maha Wangsa) (1959-1967), T.Y.T. Tun Datuk Syed Ahmad Syeh Mahmud Shahabuddin (1976-1978), Dato' Seri Syed Nahar Tun Syed Sheh Shahabuddin (1978-1985), Tan Sri Haji Osman Aroff (1985-1999), Y.B. Tan Sri Sanusi Junid (1996-1999), Y.A.B. Dato' Syed Razak Syed Zain (1996-2005), Dato' Seri Diraja Haji Mahadhir Khalid (2005-2008) dan YAB Dato' Seri Ustaz Haji Azizan Bin Abdul Razak (2008-sekarang) (Menteri Besar Kedah, 2011).

Syed Omar Shahabuddin Syed Abdullah (1959-1967) telah menjalankan pembangunan di kawasan luar bandar dan antara projek-projek yang dijalankan ialah pembangunan kesihatan luar bandar, pembangunan

pelajaran dewasa, rancangan tanah pinggir dengan menggalakkan pembangunan rancangan tanah FELDA (*Federal Land Development Authority*) di Batu Lapan, Guar Napai, di daerah Kubang Pasu, Bukit Tembaga dan Sungai Tiang. Di samping itu, pada masa pemerintahan beliau MADA (*Muda Agricultural Development Authority*) telah dilancarkan pada tahun 1966 untuk membantu pembangunan di kawasan luar bandar (Ahmad Fawzi, 2002).

Semasa era pentadbiran Syed Ahmad Syed Mahmud Shahbudin (1967-1978) pembangunan lebih tertumpu kepada pengkalan identiti masyarakat Kedah iaitu sebagai petani padi dan diperkenalkan Kedah sebagai negeri “Jelapang Padi”. Melalui pengenalan tersebut dirasmikan agensi pengairan Sungai Muda pada tahun 1972 untuk merealisasikan Kedah sebagai negeri “Jelapang Padi”. Sebanyak RM230 juta telah diperuntukkan bagi memberi manfaat kepada 63,000 keluarga petani. Di samping pembangunan petani, pembangunan industri turut difokuskan sebagai contohnya pembinaan ladang tebu dan kilang gula di Padang Terap. Kawasan industri lain ialah seperti di Tikam Batu, Mergong, Bakar Arang dan Kulim (Ahmad Fawzi, 2002).

Pemerintahan Syed Nahar Syed Sheh Shahabuddin (1978-1986) pula ditandai sebagai zaman pembangunan ekonomi yang pesat melalui pembinaan jalan raya luar bandar, bekalan air dan elektrik bertujuan meningkatkan pertumbuhan ekonomi luar bandar. Pada zaman pemerintahan beliau berjalannya Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat yang menyaksikan pembangunan di seluruh negara serta tertubuhnya KEDA (*Kedah Regional Development Authority*) bagi menyokong pembangunan sosio-ekonomi wilayah luar MADA. Di samping itu, beliau turut memfokuskan kepada industri berat dan industri sederhana sebagai contohnya pada tahun 1980 ditubuhkan kilang membuat tayar dan kilang marmar, serta pada tahun 1981 ditubuhkan kilang simen terbesar di Langkawi (Ahmad Fawzi, 2002).

Osman Aroff (1985-1999) pula Menteri Besar yang telah mengubah lanskap pembangunan Kedah dan berjaya menarik RM1.3 billion pelabur sektor industri (Taiwan, Hong Kong, Jepun, Amerika Syarikat, India, Korea, Jerman, Kanada, dan United Kingdom) pada tahun 1992. Pada zaman beliau juga telah diwujudkan taman industri dikenali Kulim Hi-Tech yang menghasilkan penubuhan kilang Perwaja Steel dan kilang motosikal Modenas di Gurun (Ahmad Fawzi, 2002).

Pada zaman pentadbiran Syed Razak (Disember 1999) memperlihatkan kegiatan pertanian masih sebagai nadi utama yang menyumbang kepada aktiviti ekonomi dan pekerjaan utama rakyat. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama tuntutan-tuntutan semasa membuktikan bahawa untuk memajukan bidang pertanian, mengangkat status sosio-ekonomi rakyat dan meningkatkan taraf pencapaian pendidikan perlu juga beralih ke bidang industri yang Kedah terus mengorak langkah.

Di merata daerah, dari Bukit Kayu Hitam di Utara sehinggalah ke Baling, asas pembangunan, keceriaan suasana dan kepesatan program pembangunan menjalar yang berpegang kepada konsep pembangunan untuk semua dan pembangunan menyeluruh yang akhirnya merealisasikan konsep pembangunan insan dan usaha memelihara ‘kemaslahatan ummah’. Ini menunjukkan bahawa Islam menjadi panduan penting bagi mewujudkan pengisian pembangunan yang dinamik dan harmoni.

Kedah mempunyai kemudahan prasarana yang lengkap bagi pembangunan sosial dan ekonomi, dengan jalinan jalan raya dan keretapi yang menyeluruh, perkhidmatan elektrik dan telekomunikasi serta kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang yang moden. Berikut ialah kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan kajian ini (Laman Rasmi Kerajaan Negeri Kedah, <http://www.Kedah.gov.my/kehad/bminfra.shtml>):

1. Kemudahan elektrik: ia dihubungkan kepada Grid Kebangsaan dan Stesyen Janakuasa Prai melalui kabel penghantaran 275 kV dan 132 kV. Kedah mempunyai 36 stesen kecil yang terletak di semua daerah dengan jumlah keupayaan 360 MVA (juta *volt-ampere*). Jumlah pengguna kuasa

elektrik sehingga bulan Disember 1994 adalah 350,026. Sistem Elektrik Format Cincin (*Ring Formation Electrical System*), yang boleh dianggap sebagai sistem elektrik yang tercanggih di rantau ini telah dirancang untuk dilaksanakan di Kawasan Perindustrian Teknologi Tinggi Kulim bagi memastikan bekalan kuasa yang berterusan dan mencukupi.

2. Kemudahan telekomunikasi: perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan adalah cukup baik dengan hampir keseluruhan kawasan di negeri Kedah diliputi dengan kemudahan telekomunikasi bagi memudahkan perhubungan antarabangsa mahupun domestik. Perkhidmatan telekomunikasi yang ditawarkan adalah meliputi perkhidmatan talian tetap, faksimili, teleks, perkhidmatan kelui, perkhidmatan data suis paket, perkhidmatan internet dan perkhidmatan telefon selular (ATUR 450 MHz disediakan oleh Telekom Malaysia Berhad, perkhidmatan GSM disediakan oleh Celcom Berhad, 800 MHz *Mobifon* disediakan oleh Mobikom Sdn. Bhd. dan sebahagian liputan oleh Maxis GSM disediakan oleh Binariang Sdn. Bhd. dan perkhidmatan PCN disediakan oleh *TMTouch*). Kedah mempunyai 50 ibusawat telefon dengan jumlah keupayaan 314,400 talian. Sehingga tahun 1995, 57 peratus iaitu sebanyak 181,237 talian telah digunakan sementara bakinya berjumlah 133,163 talian masih belum digunakan. Dengan itu, kadar penggunaan talian tetap adalah 12.22 bagi setiap 100 penduduk berdasarkan kepada jumlah penduduk 1.482 juta. Sehingga pada tahun 1995 juga, sebanyak 1,299 pengguna faksimili dan 122 pengguna teleks. Pada bulan September 1995, menara telekomunikasi yang bernilai RM40 juta milik Telekom Malaysia Berhad yang terletak di Alor Setar telah siap secara rasminya.
3. Kemudahan jalan raya: Kedah mempunyai jalinan jalan raya yang menyeluruh dengan jumlah 3,742 kilometer yang diturap dengan begitu baik. Lebuhraya Utara-Selatan menyediakan perhubungan terus ke Thailand di sebelah utara (Bukti Kayu Hitam) dan ke beberapa bandar utama serta pelabuhan utama di Malaysia (Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Penang).
4. Bekalan air: Kedah mempunyai keupayaan menyimpan 49 juta gelen air sehari bagi memberikan kemudahan kepada penduduk di bandar mahupun di luar bandar. Loji rawatan air pula berupaya menampung 82.6 juta gelen air daripada sektor industri, komersil dan domestik.

KONSEP DAN TEORI BERKAITAN INFRASTRUKTUR

Frishchmann (2006: 918-942) membincangkan infrastruktur dalam *demand-side*. Dua daripada tiga pemahaman utama *demand-side* berkaitan dengan infrastruktur iaitu pemahaman pertama, sumber-sumber infrastruktur adalah sumber-sumber asas yang menghasilkan nilai apabila telah digunakan sebagai input-input ke dalam satu julat luas tentang proses-proses berdaya keluaran. Pemahaman ketiga, menguruskan sumber-sumber infrastruktur dalam satu cara dapat diperoleh secara terang-terangan mungkin secara sosial diinginkan apabila ia memudahkan aktiviti-aktiviti ke arah aliran semasa ini. Ciri kritikal infrastruktur ialah bukan persaingan (*nonrivalry*) atau separa (bukan) persaingan (*partial (non) rivalry*) menghuraikan sifat “mampu berkongsi” iaitu boleh dikongsi bersama sumber-sumber infrastruktur bererti boleh diakses dan telah digunakan oleh banyak pengguna-pengguna pada masa yang sama. Perbezaan kemampuan untuk menampung banyak pengguna-pengguna membezakan sumber bukan saingan (*nonrival*) (kemampuan tidak terhad) daripada sumber-sumber separa bukan saingan (*partially (non) rival*) (terhad tetapi kemampuan boleh diperbaharui). Pembangunan infrastruktur berdasarkan Frishchmann boleh memberikan kesan ke atas komuniti dari segi nilai ekonomi yang berkaitan dengan produktiviti yang mampu dihasilkan oleh komuniti dan kebolehan komuniti untuk berkongsi kemudahan infrastruktur.

Dalam membincangkan teori ekonomi tentang infrastruktur dan pengurusan rakyat biasa atau orang biasa, Frishchmann (2006: 923-928) menyatakan bahawa istilah “infrastruktur” amnya membangkitkan anggapan tentang sistem-sistem sumber fizikal dibuat oleh manusia bagi penggunaan awam. Sumber-

sumber infrastruktur dibahagikan kepada dua iaitu “infrastruktur tradisional” dan “infrastruktur bukan tradisional”. Sumber-sumber “infrastruktur tradisional” terdiri daripada (1) *sistem-sistem pengangkutan*, misalnya sistem-sistem lebuh raya, landasan kereta api, sistem-sistem penerbangan, dan pelabuhan-pelabuhan; (2) *sistem-sistem komunikasi*, misalnya rangkaian-rangkaian telefon dan perkhidmatan-perkhidmatan pos; (3) *sistem-sistem pemerintahan*, misalnya sistem-sistem mahkamah; dan (4) *kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan awam asas*, misalnya sekolah-sekolah, pembentukan, dan sistem-sistem air. Sumber-sumber “infrastruktur bukan tradisional” termasuk (1) *sumber-sumber bersifat persekitaran/berkenaan alam sekitar*, misalnya tasik-tasik, atmosfera, dan ekosistem; (2) *sumber-sumber maklumat*, misalnya penyelidikan asas, idea-idea abstrak, dan sistem-sistem operasi; dan (3) *sumber-sumber internet*, misalnya rangkaian-rangkaian komputer (dalam bidang sains komputer rangkaian-rangkaian komputer ialah satu rangkaian-rangkaian dari komputer dan protokol (dalam bidang pengkomputeran protokol ialah satu set peraturan-peraturan formal yang menerangkan bagaimana untuk menghantar atau pertukaran data, khususnya di seluruh rangkaian bersambung yang membolehkan saling bersambungan, kemampuan satu keluaran atau sistem untuk berinteraksi dan berjalan dengan yang lain-lain).

Frishchmann (2006: 959-967) mendefinisikan tiga kategori-kategori umum sumber-sumber infrastruktur berasaskan pada sifat pengagihan atau pembahagian tentang aktiviti-aktiviti ke arah aliran semasa iaitu komersil, awam, dan infrastruktur sosial dalam membincangkan teori ekonomi tentang infrastruktur dan pengurusan rakyat biasa atau orang biasa. Jenis 1 ialah infrastruktur komersil iaitu didefinisikan sebagai input bukan saingan atau separa (bukan) saingan ke dalam pengeluaran satu perbezaan luas barangan-barangan swasta. Contoh-contoh jenis 1 ialah proses-proses perkilangan asas, televisyen kabel, Internet dan sistem-sistem jalan. Sumber-sumber infrastruktur komersial adalah telah digunakan untuk mengeluarkan barangan-barangan swasta dan secara produktif oleh pembekal-pembekal semata-matanya sebagai satu mekanisme penghantaran bagi barangan-barangan dikilangkan, barangan-barangan pertanian, barang makanan, dan banyak keluaran-keluaran komersil yang lain, termasuk kandungan digital. Jenis 2 ialah infrastruktur awam iaitu didefinisikan sebagai input bukan saingan atau separa (bukan) saingan ke dalam pengeluaran satu perbezaan luas barangan-barangan awam. Contoh-contoh jenis 2 ialah penyelidikan asas, idea-idea (gagasan-gagasan) dan Internet. Jenis 3 ialah infrastruktur sosial iaitu didefinisikan sebagai input bukan saingan atau separa (bukan) saingan ke dalam pengeluaran satu perbezaan luas barangan-barangan bukan pasaran. Contoh-contoh jenis 3 ialah tasik-tasik, Internet dan sistem-sistem jalan. Sumber-sumber infrastruktur dunia-sebenar sering kali sesuai dalam lebih daripada satu daripada kategori-kategori ini pada masa yang sama. Frishchmann akan merujuk kepada sumber-sumber infrastruktur seperti itu sebagai “bercampur” dan kepada sumber-sumber infrastruktur yang jatuh dalam hanya satu kategori sebagai “tulen/tidak bercampur dengan yang lain” (“*pure*”). Dalam aspek infrastruktur sosial dan awam: pemahaman analisis *demand-side*, sumber infrastruktur sosial dan awam adalah digunakan untuk menghasilkan barang-barang awam dan barang-barang bukanpasaran (*nonmarket*).

Infrastruktur turut menjadi fokus penting bagi pembangunan kawasan dan rentas-sempadan sebagaimana yang dibincangkan oleh Philippe De Lombaerde, Unu-Cris, dan George Mavrotas, GDN (2009: 49) berkenaan dengan pembangunan kawasan ialah infrastruktur terus-menerus sangat dapat dilihat sebagai satu daripada barangan awam kawasan atau wilayah (*regional public goods* atau *RPGs*) dengan potensi pembangunan besar. Bagi hal berkaitan dengan rentas-sempadan dibincangkan oleh Sanoussi Bilal and Francesco Rampa, ECDPM (2009:65) iaitu Pasukan Petugas Bantuan Bagi Perdagangan WTO mengakui bahawa “banyak negara-negara memerlukan infrastruktur rentas-sempadan dan kerjasama dasar serantau untuk berdagang dengan lebih berkesan”. Hal yang berkaitan dengan rentas-sempadan dan infrastruktur turut dibincangkan oleh UNIDO (2009: 180-233) iaitu berkenaan dengan liberalisasi perdagangan yang pemudahan perdagangan ialah kunci untuk merealisasikan faedah-faedah liberalisasi perdagangan melalui usaha memudahkan dan pengharmonian atau penyesuaian prosedur-prosedur perdagangan dengan mengurangkan kos pengangkutan, meningkatkan kemudahan-kemudahan pelabuhan, menubuhkan rejim

kastam yang cekap, mempunyai peraturan-peraturan yang telus dan bersepadu, meningkatkan kualiti maklumat dan infrastruktur teknologi maklumat dan memudahkan akses pasaran. Pelaburan dalam infrastruktur rentas-sempadan adalah diperlukan untuk menubuhkan satu koridor perdagangan serantau/kawasan yang cekap, untuk memudahkan transit rentas-sempadan atau untuk menguruskan penggunaan satu aset bersama ke beberapa negara-negara seperti satu sungai yang mengalir melalui negara-negara yang berbeza. Negara-negara rantau/kawasan itu perlu mengandaikan kos logistik yang tinggi disebabkan kelemahan infrastruktur pengangkutan mereka.

Edwards et al. (2007: 9-11) membincangkan bahawa agensi-agensi kerajaan kadang-kadang memainkan peranan penting dalam fasa sistem-pembinaan tentang infrastruktur utama. Kerajaan mempunyai keupayaan untuk merancang untuk jangka panjang; Kerajaan Belanda pada abad keenam belas, sebagai contoh, merancang pertumbuhan perhutanan yang berikutan 200 tahun sebagai sebahagian daripada infrastruktur pembinaan laut (berkenaan tentera laut). Kerajaan telah memainkan peranan penting dalam fasa pengukuhan pembangunan infrastruktur. Pendekatan umum dalam tempoh 1850-1975 telah dipanggil "infrastruktur ideal moden": perkhidmatan sejagat oleh pembekal tunggal. Berikutan logik ini, banyak kerajaan-kerajaan kebangsaan yang menyediakan kebanyakan atau semua perkhidmatan ini; keretapi kebangsaan, jalan raya, kuasa elektrik, dan rangkaian PT & T (pos, telefon dan telegraf) adalah contoh utama.

Pierre-Richard Agénor (2010) membincangkan dalam teori pembangunan yang dipengaruhi infrastruktur antaranya bahawa Kerajaan melakukan pelaburan dalam infrastruktur dengan sumber yang disediakan oleh cukai pada output. Pernyataan 5 bagi teori pembangunan yang dipengaruhi infrastruktur, iaitu jika keseimbangan ekonomi adalah unik, satu pengagihan semula iaitu saham yang telah diperuntukkan sekali lagi (*Reallocation*, 2011) dalam bajet-netral besar perbelanjaan kerajaan ke arah pelaburan infrastruktur dan jauh daripada perbelanjaan tidak produktif akan beralih ekonomi kepada satu kedudukan di mana ia boleh mendapat manfaat daripada luaran-luaran yang berkaitan dengan modal awam. Dalam ekonomi, luaran (atau transaksi limpahan) adalah kos atau faedah, tidak boleh dihantar melalui harga, disebabkan oleh satu pihak yang tidak bersetuju dengan tindakan yang menyebabkan kos atau faedah itu. Manfaat dalam hal ini dipanggil luaran yang positif atau faedah luar, manakala kos ialah dipanggil luaran negatif atau kos luar (*Externalities*, 2011). Luaran yang positif wujud apabila seorang individu atau firma yang membuat keputusan tidak menerima manfaat penuh keputusan itu. Manfaat kepada individu atau firma itu adalah kurang daripada manfaat kepada masyarakat ([economics.fundamentalfinance.com, http://economics.fundamentalfinance.com/positive-externality.php](http://economics.fundamentalfinance.com/positive-externality.php)). Perbelanjaan kerajaan ialah perbelanjaan oleh kerajaan, majlis perbandaran ataupun pihak berkuasa tempatan. Ia meliputi perkara-perkara seperti perbelanjaan ke atas kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan sosial, dan ialah dibiayai oleh hasil cukai. Ia adalah satu daripada unsur-unsur yang membuat perbelanjaan agregat. Pelaburan infrastruktur ialah pelaburan dalam asas atau rangka kerja asas (satu perniagaan negara, dan lain-lain).

Pernyataan 6 teori pembangunan yang dipengaruhi infrastruktur, membincangkan peningkatan dalam bahagian perbelanjaan awam ke atas infrastruktur adalah dianggap akan jadi diimbangi oleh satu pengurangan dalam perbelanjaan tidak produktif. Perbelanjaan awam ialah wang yang kerajaan membelanjakan ke atas perkhidmatan awam. Dalam bidang kerajaan, politik dan diplomasi perbelanjaan awam ialah perbelanjaan oleh kerajaan pusat, pihak berkuasa-pihak berkuasa tempatan, dan syarikat-syarikat awam. Dalam model ini, keupayaan tentang satu peralihan dalam bahagian perbelanjaan awam ke atas infrastruktur untuk memandu ekonomi ke arah satu laluan pertumbuhan tinggi adalah berdasar kepada atau bergantung kepada kewujudan atau kebenaran dua parameter kritikal iaitu keanjalan (dalam bidang Fizik, keupayaan untuk berubah apabila situasi berubah) tentang output berkenaan dengan infrastruktur awam, yang menentukan kesan stok modal awam ke atas produk marginal modal swasta (modal persendirian biasanya datang daripada pelabur-pelabur individu atau kumpulan-kumpulan modal swasta yang biayai operasi perniagaan tertentu. Banyak pemberi pinjaman-pemberi pinjaman modal swasta menyediakan pembiayaan bagi permulaan syarikat-syarikat. Ini membantu pemilik-pemilik

perniagaan baru berjaya syarikat mereka bermula tanpa memohon pinjaman bank (*eHow money*, 1999-2011); dan tahap kecekapan pelaburan awam, seperti yang dinyatakan sebelum ini, boleh dilihat sebagai satu penunjuk luas tentang kualiti tadbiran.

Dalam bidang ekonomi dan khususnya ekonomi neoklasik, produk marginal atau produk fizikal marginal tentang satu input (faktor-faktor pengeluaran) ialah output tambahan yang boleh dihasilkan dengan menggunakan satu unit lagi tentang input (misalnya, perbezaan dalam output apabila satu penggunaan buruh firma ialah meningkat dari 5-6 unit), dengan mengandaikan bahawa kuantiti-kuantiti tentang tiada input lain untuk menukar pengeluaran (*Marginal product*, 2011). Produk marginal juga bererti output yang terhasil dari satu unit tambahan faktor pengeluaran (seperti jam buruh atau jam mesin), semua faktor-faktor lain kekal malar. Semasa kos marginal menunjukkan kos tambahan yang ditanggung dalam mengeluarkan satu unit tambahan keluaran, produk marginal menunjukkan output tambahan yang terakru kepada input tambahan. Sejak produk marginal diukur dalam unit fizikal yang dihasilkan, ia juga dipanggil keluaran fizikal marginal (*Marginal product*, 2011). Jam buruh ialah unit kerja yang mewakili usaha produktif satu orang dalam satu jam. Juga dipanggil jam manusia (*Labor hour*, 2011). Dalam fungsi pengeluaran, produk marginal tentang faktor ialah peningkatan dalam pengeluaran disebabkan oleh satu unit naik dalam input faktor itu; iaitu, terbitan separa fungsi pengeluaran berkenaan dengan faktor. Dalam keseimbangan yang kompetitif, harga keseimbangan mana-mana faktor ialah nilai marginal produk dalam setiap sektor di mana ia bekerja (Alan V. Deardorff, 2000, 2001, ..., 2010).

Penyataan 5 dan 6 ialah peralihan besar dalam perbelanjaan kerajaan ke arah infrastruktur akan menjana kesan wajar hanya jika tahap kecekapan pelaburan awam, ialah cukup tinggi. Jika tahap kecekapan tentang pelaburan, ialah rendah, dan kesan langsung tentang infrastruktur awam pada keluaran ialah agak terhad iaitu tidak terlalu besar dalam jumlah, ekonomi mungkin menjadi lebih baik iaitu dalam keadaan yang lebih bernasib baik atau makmur melalui perbelanjaan iaitu wang yang dibayar lebih atas kesihatan. Infrastruktur awam adalah istilah umum yang sering layak dengan khusus sebagai:

- a. infrastruktur kritikal diperlukan untuk mengekalkan kehidupan manusia
- b. modal infrastruktur di bawah hak milik awam
- c. infrastruktur perbandaran di bawah kawalan kerajaan tempatan
- d. aset-aset modal awam
- e. fungsi-fungsi dan agensi-agensi kerja-kerja penyelenggaraan awam, bukan sahaja struktur
- f. infrastruktur perbandaran lestari
- g. infrastruktur bandar lestari

KAJIAN DAHULU BERKENAAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Kajian terhadap impak pembangunan ke atas komuniti telah dijalankan di beberapa negara sebagai contohnya Bort (2006) telah menjalankan kajian ke atas penduduk nelayan di Panama bertajuk “*the impact of development on Panama’s small-scale fisherman*”. Bort (2006) mengkaji tentang pengintegrasian nelayan-nelayan Panama dalam sistem pemasaran makanan laut antarabangsa. Di samping itu juga, kajian Bort (2006) turut memfokuskan kepada perubahan struktur dalam corak penangkapan dan pemasaran; kebergantungan nelayan skala kecil kepada pasaran dunia; kepentingan pelaburan modal dalam kelengkapan penangkapan; dan faedah-faedah perubahan aktiviti penangkapan nelayan berskala kecil. Lockwood (2006) pula dalam kajiannya bertajuk “*the impact of development on rural Tahitian women: A comparison of three islands*” membincangkan tentang impak pembangunan industri dan syarikat-syarikat kapitalis ke atas wanita Thiti di luar bandar. Lockwood (2006) telah membuat perbandingan peranan sosioekonomi dan status wanita dalam tiga komuniti dengan membezakan darjah pembangunan industri; dan turut membincangkan tentang peranan ekonomi wanita dan kawalan ke atas pendapatan dan sumber.

Kajian tentang “*the impact of development policies on health: A review of the literature*” yang dilakukan oleh Diana et al. (1990) telah membincangkan empat polisi pembangunan iaitu ekonomi makro, pertanian, industri, tenaga, dan perumahan. Diana et. al. (1990) telah mengenal pasti setiap polisi tersebut; dan penyebab asas dan penyebab serta merta ke atas masalah kesihatan dalam keempat-empat sektor (ekonomi makro, pertanian, perindustrian, tenaga dan perumahan). Terdapat beberapa kajian tentang persepsi terhadap pembangunan dilakukan oleh pengkaji antaranya ialah Griffin et al. (2005) yang bertajuk “*development of multidimensional scales to measure key leader’s perceptions of capacity and organizational capacity for teen pregnancy prevention*”. Kajian ini memfokuskan kepada pembangunan skala untuk mengukur persepsi terhadap kapasiti organisasi.

Per Pinstруп-Andersen dan Shimokawa, S. (2007) dalam tulisan bertajuk “*rural infrastructure and agricultural development*”, menyatakan salah satu daripada dokumen-dokumen latar belakang teknikal untuk Sidang Kemuncak Makanan Dunia, yang diadakan pada tahun 1996, membuat kesimpulan bahawa “jalan raya, bekalan elektrik, telekomunikasi, dan perkhidmatan infrastruktur yang lain adalah terhad di semua kawasan luar bandar, walaupun mereka adalah kunci penting untuk merangsang pelaburan dan pertumbuhan pertanian”. Dokumen itu berhujah bahawa “komunikasi lebih baik adalah satu keperluan utama. Mereka mengurangkan kos pengangkutan, meningkatkan persaingan, mengurangkan margin pemasaran, dan dengan cara ini secara langsung dapat meningkatkan pendapatan ladang dan peluang pelaburan swasta”. Pelaburan dalam infrastruktur adalah penting untuk meningkatkan akses petani untuk pasaran input dan output, merangsang ekonomi bukan berkenaan pertanian luar bandar dan menggiatkan pekan-pekan luar bandar, meningkatkan permintaan pengguna di kawasan-kawasan luar bandar, dan memudahkan integrasi kawasan-kawasan luar bandar yang kurang digemari ke dalam ekonomi negara dan antarabangsa.

Public-Private Infrastructure Advisory Facility Staff (2003) dalam tulisan bertajuk “*private solutions for infrastructure in Honduras*” menyatakan penunjuk-penunjuk tentang hak atau cara mendekati atau memasuki dan liputan ialah pengangkutan, air dan sistem menjaga kebersihan awam, bekalan elektrik, telekomunikasi/perhubungan dengan menggunakan telefon, radio dan sebagainya. Penunjuk kualiti dan kecekapan ialah air dan sistem menjaga kebersihan awam, bekalan elektrik, telekomunikasi/perhubungan dengan menggunakan telefon, radio dan sebagainya dan pengangkutan. Penunjuk sustainabiliti (kemampuan untuk mempertahankan sesuatu (Wiktionary, 2010) ialah air dan sistem menjaga kebersihan awam, pengangkutan jalan, telekomunikasi/perhubungan dengan menggunakan telefon, radio dan sebagainya dan pengangkutan.

RUANG, KETIDAKSEJAJARAN, KONTROVERSI DAN KENAPA PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PENTING

Di samping meningkatkan taraf hidup masyarakat, pembangunan komuniti juga merupakan satu tindakan yang diambil untuk meningkatkan capaian komuniti kepada kemudahan ekonomi, kesihatan, pendidikan, dan kemudahan sosial yang lain. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan masalah dalam komuniti yang berkaitan dengan aspek-aspek sosial dan ekonomi tersebut. Bagi tujuan-tujuan tersebut pelbagai elemen dalam proses penglibatan komuniti, penghidupan, kemudahan dan perancangan strategik telah dikembangkan di semua kawasan tetapi ianya sukar untuk dicapai. Sebagai contohnya, penglibatan komuniti telah dibuktikan sukar untuk dicapai, kerana terdapat unsur-unsur pembangunan yang berasaskan kawasan dan sempadan yang seringkali mewujudkan pemegang kuasa dan menguatkan penyingkiran sosial kumpulan termiskin (Shortall & Shucksmith, 2001).

Di Malaysia, antara matlamat pembangunan komuniti ialah untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup khususnya di kawasan luar bandar yang banyak tertumpu kepada bidang

pertanian. Bagi mencapai matlamat tersebut disediakan kemudahan kepada masyarakat seperti jalan raya, kesihatan (hospital, klinik kesihatan dan klinik desa), elektrik, air, Internetdesa, Infodesa dan lain-lain. Antara kemudahan tersebut, ada yang diberikan secara percuma dan ada juga yang dikenakan bayaran mengikut caj yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, peningkatan taraf hidup komuniti berlaku dengan perlahan dan tidak sejajar dengan matlamat yang ditentukan dalam setiap dasar-dasar pembangunan yang diadakan. Berdasarkan statistik kadar kemiskinan bagi tahun 1999 dan tahun 2002 dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan didapati kadar kemiskinan di Kedah ialah 13.5 peratus (tahun 1999) dan 10.7 peratus (tahun 2002), Terengganu pula 14.9 peratus (tahun 1999) dan 10.7 peratus (tahun 2002), Kelantan 18.7 peratus (tahun 1999) dan 12.4 peratus (tahun 2002). Berdasarkan statistik tersebut, kadar kemiskinan di Kedah masih lagi tinggi.

Kadar penurunan bilangan keluarga (iaitu Ketua Isi Rumah/KIR) termiskin negeri Kedah tahun 2000-2001 ialah 853 keluarga, 498 keluarga bagi 2001-2002 dan 22 keluarga sahaja bagi 2002-2003 (Unit Perancang Ekonomi Negeri, 2004). Ini menunjukkan bahawa kadar penurunan keluarga termiskin semakin rendah sedangkan kemudahan infrastruktur semakin meningkat. Ini menimbulkan persoalan bahawa adakah penduduk-penduduk di Kedah menerima limpahan faedah daripada pembangunan infrastruktur tersebut?

Berdasarkan kajian oleh Haris Abdul Wahab (2002) bertajuk penglibatan masyarakat tempatan dalam projek pembangunan komuniti ke atas masyarakat yang terlibat dalam Projek Pembangunan Manusia Asas Kampung (PMAK) di Kelantan mendapati penglibatan masyarakat dalam projek pembangunan komuniti yang dilaksanakan tidak berlaku seperti yang diharapkan. Penglibatan masyarakat tidak memenuhi makna sebenar penglibatan, iaitu penglibatan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian projek. Tahap penglibatan masyarakat dalam projek pembangunan komuniti hanya berada pada tahap sederhana sahaja.


Menurut Lyon (2003) pula, ketika kerajaan pusat dan kerajaan tempatan menyediakan kemudahan jalan raya utama, komuniti memainkan peranan utama dalam mengekalkan jalan raya yang boleh diguna pakai. Menerusi pengekalan jalan raya, kumpulan komuniti tersebut boleh menggalakkan peniaga melawat komuniti yang lain, mendapat harga yang lebih tinggi untuk hasil tanaman mereka dan dapat memperbaiki kehidupan dan ekonomi tempatan. Penyelenggaraan dilakukan oleh institusi komuniti di bawah pimpinan ketua. Apabila terdapat keperluan untuk memelihara jalan raya kecil ladang, individu yang mempunyai ladang di kawasan tersebut akan diuruskan oleh seorang ketua. Institusi tersebut juga digunakan untuk tujuan pembersihan dan pembinaan sekolah dan mengekalkan bekalan air. Individu yang menjadi ahli dalam kerjasama komuniti tersebut mempunyai tanggungjawab moral untuk bekerja dan sekiranya mereka tidak hadir ke tempat kerja, denda yang setimpal dengan upah sehari bekerja akan dikenakan ke atas mereka (Lyon, 2003).

Kertas ini bertujuan untuk membincangkan soalan iaitu adakah pembangunan infrastruktur dapat memberi kesan kepada aspek ekonomi dan sosial penduduk setempat? Kertas ini mempersembahkan hasil kajian yang dibuat oleh Noraniza Yusoff, Azlizan Talib dan Yusof Pon bertajuk “impak pembangunan infrastruktur ke atas pembangunan komuniti di Daerah Kubang Pasu dan Pendang Kedah Darul Aman”.

KERANGKA TEORITIKAL

Dalam kajian (rujuk Rajah 1), aspek yang difokuskan ialah infrastruktur pengangkutan (jalan raya utama), perhubungan dan komunikasi (merangkumi aspek pemilikan talian telefon tetap, telefon bimbit, capaian kepada internetdesa dan infodesa, jaringan internet dan pemilikan komputer), bekalan air, bekalan elektrik dan pembentungan. Kajian memfokuskan kepada pendapatan ketua isirumah (KIR)/responden, pekerjaan responden; dan pendidikan responden.

Rajah 1
Model kajian



METOD KAJIAN

Kajian berbentuk tinjauan kes secara kuantitatif ke atas penduduk di Daerah Kubang Pasu dan Pendang, Kedah. Pembolehubah bebas ialah kemudahan infrastruktur, manakala pembolehubah bersandar pula ialah pembangunan ekonomi dan sosial meliputi pendidikan, pekerjaan dan pendapatan responden. Penentuan sampel kajian ialah melalui kaedah persampelan berstrata mengikut daerah, kemudiannya Dewan Undangan Negeri dan seterusnya dikecilkan kepada peringkat kampung. Kampung kajian pula hanya merangkumi kampung Gerakan Desa Wawasan (GDW) di Daerah Kubang Pasu dan Pendang. Secara umumnya, populasi penduduk kampung GDW bagi Daerah Kubang Pasu adalah seramai 4,726 orang manakala daerah Pendang seramai 6,160 orang. Pemilihan sampel pula terdiri daripada ketua seisi rumah di kedua-dua daerah tersebut. Penentuan ketua isi rumah (KIR) adalah berdasarkan kepada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia (2000) iaitu nisbah 5.5 orang bagi setiap rumah. Jumlah sampel yang diambil adalah seramai 366 orang iaitu 161 orang bagi Daerah Kubang Pasu dan 205 orang bagi Daerah Pendang. Pemilihan sampel sebanyak 366 orang bagi kedua-dua daerah tersebut adalah berdasarkan kepada persampelan Krejcie dan Morgan (1970) dalam Uma Sekaran (2000) iaitu daripada jumlah keseluruhan populasi penduduk di lapan kampung kajian iaitu 3,130 orang.

Pengutipan data dilakukan melalui borang kaji selidik yang dibentuk berdasarkan model-model dan kajian terdahulu. Soalan kaji selidik menggunakan skala Likert, skala jawapan Ya dan Tidak dan soalan

berbentuk terbuka. Skala Likert mengandungi lima (5) pilihan jawapan turut digunakan. Borang kaji selidik diedarkan ke lapan buah kampung kajian di kedua-dua daerah iaitu empat buah kampung di Kubang Pasu dan empat buah kampung di Pendang. Borang telah diedarkan pada 16 dan 17 September 2005 oleh pembanci. Sebanyak 500 borang kaji selidik telah diedarkan dan jumlah yang dikembalikan ialah sebanyak 366 borang yang lengkap diisi. Pemprosesan dan penganalisaan data dibuat menggunakan perisian “*statistical package for social science*” (SPSS). Analisis deskriptif meliputi kekerapan, min, peratusan, sisihan piawai dan jadual silang untuk melihat pertalian secara deskriptif. Analisis kebolehppercayaan *Alpha-Cronbach* digunakan untuk mengenal pasti nilai kebolehppercayaan instrumen kajian. Borang kaji selidik telah diedarkan kepada 60 orang penduduk di sekitar Jitra di Daerah Kubang Pasu dan di sekitar Tokai di Daerah Pendang yang tidak termasuk sebagai kawasan kajian bagi tujuan ujian rintis.

KEPUTUSAN KAJIAN

Responden paling ramai ialah datang dari Kampung Baloh iaitu 39.5 peratus bagi Daerah Pendang, manakala bagi Daerah Kubang Pasu pula Kg. Changhai paling tinggi peratusan bilangan responden iaitu 27.9 peratus. Seramai 288 orang responden adalah KIR (Ketua Isi Rumah) yang telah berkahwin, 12 orang merupakan duda dan 36 orang adalah janda. Lebih 40 peratus responden dari semua kampung kajian di Daerah Pendang dan dua kampung di Daerah Kubang Pasu (Kg. Biak dan Kg. Changhai) berumur dalam lingkungan 41 tahun hingga 60 tahun. Majoriti responden iaitu lebih 50 peratus responden daripada semua kampung yang dikaji di kedua-dua daerah telah menetap lebih daripada 21 tahun ke atas kecuali Kampung Kangar di mana kira-kira 42 peratus responden menetap lebih 21 tahun ke atas. Bagi kedua-dua daerah Pendang dan Kubang Pasu, paling tinggi bilangan responden adalah penduduk tempatan atau penduduk asal. Hampir seratus peratus penduduk di Kg. Bendang Raja dan Kg. Dalam Baroh di daerah Pendang merupakan penduduk asal kampung tersebut. Bagi Kg. Baloh (Daerah Pendang) dan Kg. Changhai (Daerah Kubang Pasu) lebih 80 peratus responden merupakan penduduk asal. Manakala bagi Kampung Chekong Tok La, Kg. Biak, dan Kg. Kangar, responden yang terdiri daripada penduduk asal ialah melebihi 60 peratus serta Kg. Wang Tepus pula ialah 75 peratus.

Jadual 1
Bilangan responden mengikut daerah dan kampung

Daerah dan Kampung	Kekerapan	Peratus (%)
Daerah Pendang		
Kg. Baloh	81	39.5
Kg. Bendang Raja	51	24.9
Kg. Chekong Tok La	59	28.8
Kg. Dalam Baroh	14	6.8
Jumlah	205	100
Daerah Kubang Pasu		
Kg. Changhai	45	27.9
Kg. Kangar	38	23.6
Kg. Wang Tepus	41	25.5
Kg. Biak	37	23
Jumlah	161	100

Sumber: Noraniza Yusoff, Azlizan Talib dan Yusuf Pon (2006)

Terdapat responden di Daerah Pendang yang menggunakan perigi atau sungai sebagai sumber air untuk keperluan aktiviti-aktiviti harian iaitu Kg. Baloh (sepuluh peratus), Kg. Bendang Raja (sepuluh peratus) dan Kg. Chekong Tok La (80 peratus). Manakala di Daerah Kubang Pasu, tidak terdapat responden yang menggunakan perigi atau sungai sebagai sumber air. Walau bagaimanapun, masih terdapat responden

yang berkongsi paip air bagi memenuhi keperluan sumber air di semua kampung kajian di Daerah Kubang Pasu iaitu Kg. Kangar (empat peratus), Kg. Wang Tepus (satu peratus) dan Kg. Biak (tiga peratus). Di Daerah Pendang pula hanya Kg. Baloh (enam peratus) dan Kg. Chekong Tok La (satu peratus) sahaja yang mempunyai responden berkongsi paip air untuk memenuhi keperluan sumber air mereka.

Di Daerah Pendang, Kg. Baloh mempunyai responden yang memperolehi bekalan tenaga elektrik menerusi berkongsi bekalan (dua peratus). Kg. Chekong Tok La (lima peratus) dan Kg. Dalam Baroh (satu peratus) mempunyai responden yang memperolehi bekalan tenaga elektrik menerusi generator bagi Daerah Pendang. Di Daerah Kubang Pasu, Kg. Kangar (satu peratus) dan Kg. Biak (dua peratus) mempunyai responden yang memperolehi bekalan tenaga elektrik menerusi berkongsi bekalan. Kg. Changhai (satu peratus), Kg. Kangar (dua peratus), dan Kg. Wang Tepus (satu peratus) mempunyai responden yang memperolehi bekalan tenaga elektrik menerusi generator bagi Daerah Kubang Pasu. Di Daerah Pendang, Kg. Chekong Tok La kira-kira enam responden mempunyai kemudahan tandas pam dan bagi tandas curah Kg. Baloh mempunyai bilangan responden tertinggi iaitu 78 orang responden. Di Daerah Kubang Pasu, Kg. Changhai mempunyai bilangan responden tertinggi mempunyai kemudahan tandas pam iaitu 13 orang responden manakala Kg. Wang Tepus mempunyai bilangan tertinggi responden yang mempunyai kemudahan tandas curah iaitu 39 orang responden.

Bagi talian telefon tetap, Kg. Baloh mempunyai bilangan responden tertinggi iaitu 34 orang responden yang mempunyai talian telefon tetap bagi Daerah Pendang. Kg. Changhai mempunyai bilangan responden tertinggi iaitu 31 orang responden yang mempunyai talian telefon tetap bagi Daerah Kubang Pasu. Didapati Kg. Chekong Tok La mempunyai bilangan paling tinggi bagi responden yang memiliki talian telefon bimbit iaitu 34 orang responden bagi Daerah Pendang manakala Kg. Wang Tepus mempunyai paling tinggi responden yang memiliki talian telefon bimbit iaitu 25 orang responden bagi Daerah Kubang Pasu.

Kg. Bendang Raja, mempunyai bilangan tertinggi responden (51 orang responden) yang jarak kediamannya ≤ 1 km dari kemudahan jalan utama bagi Daerah Pendang, manakala di Daerah Kubang Pasu, Kg. Wang Tepus mempunyai responden tertinggi yang jarak kediamannya ≤ 1 km dari kemudahan jalan utama iaitu 41 orang responden. Kg. Bendang Raja juga mempunyai bilangan responden tertinggi (18 orang responden) yang jarak kediamannya ≤ 1 km dari pusat internet desa bagi Daerah Pendang, manakala Kg. Wang Tepus mempunyai bilangan responden tertinggi (15 orang responden) yang jarak kediamannya ≤ 1 km dari pusat internet desa bagi Daerah Kubang Pasu. Kg. Baloh mempunyai bilangan responden tertinggi (17 orang responden) yang jarak kediamannya ≤ 1 km dari pusat infodesa bagi Daerah Pendang, manakala Kg. Kangar dan Kg. Wang Tepus mempunyai bilangan responden tertinggi (iaitu masing-masing 7 orang responden) yang jarak kediamannya ≤ 1 km dari pusat infodesa bagi daerah Kubang Pasu.

Bagi Daerah Pendang tiada responden yang mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kemudahan pusat internetdesa, manakala di Daerah Kubang Pasu, Kg. Wang Tepus mempunyai bilangan responden tertinggi (16 orang responden) yang mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kemudahan pusat internetdesa. Di Daerah Pendang, Kg. Bendang Raja mempunyai bilangan responden tertinggi (21 orang responden) yang mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kemudahan pusat infodesa, manakala Kg. Changhai di Daerah Kubang Pasu mempunyai bilangan tertinggi (15 orang responden) yang mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kemudahan pusat infodesa.

Keputusan kajian seterusnya mempersembahkan tentang impak ke atas pembangunan komuniti. Pola pendapatan responden (KIR) iaitu pendapatan ketua seisi rumah bagi tahun 1990, 1995, 2000 dan 2005 ($<RM500$, $RM501-RM1000$, $RM1001-RM1500$, $RM1501-RM2000$, $RM2001-RM2500$ dan $>RM2501$), majoriti responden bagi semua kampung di Daerah Pendang ialah berpendapatan $<RM500$ bagi

pendapatan pada tahun 1990 iaitu 136 orang responden. Bagi Daerah Kubang Pasu, bilangan tertinggi responden ialah berpendapatan <RM500 bagi pendapatan pada tahun 1990 bagi semua kampung iaitu 76 orang responden. Pendapatan pada tahun 1995 bagi Daerah Pendang ialah bilangan tertinggi berpendapatan <RM500 iaitu 134 orang responden bagi semua kampung dan bagi Daerah Kubang Pasu bagi semua kampung bilangan tertinggi ialah berpendapatan <RM500 iaitu 76 orang responden. Pendapatan pada tahun 2000 bagi Daerah Pendang bagi semua kampung ialah bilangan tertinggi berpendapatan <RM500 iaitu 129 orang responden dan bagi Daerah Kubang Pasu, bilangan tertinggi responden ialah berpendapatan <RM500 iaitu 77 orang responden. Pendapatan pada tahun 2005, di Daerah Pendang bilangan tertinggi responden ialah berpendapatan <RM500 iaitu 115 orang responden (merangkumi Kg. Baloh, Kg. Bendang Raja dan Kg. Chekong Tok La) dan bagi Daerah Kubang Pasu, bilangan tertinggi responden ialah pendapatan <RM500 iaitu 60 orang responden (merangkumi Kg. Kangar, Kg. Wang Tepus dan Kg. Biak).

Pertalian antara daerah dengan taraf pendidikan (tidak bersekolah, sekolah rendah, sekolah menengah rendah, sekolah menengah atas dan pengajian tinggi) dan jarak kediaman dari jalan utama, didapati bahawa pada jarak kediaman ≤ 1 km dari jalan utama tiada responden yang mempunyai taraf pendidikan pengajian tinggi dan 14 orang responden tidak bersekolah bagi Daerah Pendang. Bagi Daerah Kubang Pasu pada jarak kediaman ≤ 1 km dari jalan utama, sepuluh orang responden yang mempunyai taraf pendidikan pengajian tinggi dan 11 orang responden tidak bersekolah. Pada jarak kediaman 2 kilometer hingga 3 kilometer dari jalan utama bilangan responden yang tidak bersekolah ialah 38 orang responden dan 5 orang responden mempunyai taraf pendidikan pengajian tinggi di Daerah Pendang. Bagi Daerah Kubang Pasu pada jarak kediaman 2 kilometer hingga 3 kilometer dari jalan utama 11 orang responden tidak bersekolah dan 2 orang responden yang mempunyai taraf pendidikan pengajian tinggi. Pada jarak kediaman 4 kilometer hingga 5 kilometer dari jalan utama 7 orang responden yang tidak bersekolah dan tiada responden yang mempunyai taraf pendidikan pengajian tinggi bagi Daerah Pendang. Bagi Daerah Kubang Pasu tiada responden bagi jarak kediaman 4 kilometer hingga 5 kilometer dari jalan utama dan bagi jarak kediaman ≥ 6 km dari jalan. Pada jarak kediaman ≥ 6 km dari jalan utama 9 orang responden yang tidak bersekolah dan seorang responden yang mempunyai taraf pendidikan pengajian tinggi di Daerah Pendang.

Pertalian antara daerah dengan pekerjaan (bekerja sendiri, bekerja di sektor awam, bekerja di sektor swasta, surirumah (isteri) dan tidak bekerja (suami) dan jarak kediaman dari jalan utama, pada jarak kediaman ≤ 1 km dari jalan utama bagi Daerah Kubang Pasu bilangan tertinggi responden ialah bekerja sendiri iaitu 61 orang responden. Pada jarak kediaman ≤ 1 km dari jalan utama bagi daerah Pendang bilangan tertinggi responden ialah bekerja sendiri iaitu 22 orang responden. Pada jarak kediaman 2 kilometer hingga 3 kilometer dari jalan utama bagi Daerah Kubang Pasu bilangan tertinggi responden ialah bekerja sendiri iaitu 16 orang responden utama dan bagi Daerah Pendang bilangan tertinggi responden ialah bekerja sendiri iaitu 70 orang responden. Pada jarak kediaman 4 kilometer hingga 5 kilometer dari jalan utama tiada responden bagi Daerah Kubang Pasu dan bagi Daerah Pendang bilangan tertinggi responden ialah bekerja sendiri iaitu 14 orang responden. Pada jarak kediaman ≥ 6 km dari jalan utama bagi Daerah Pendang bilangan tertinggi responden ialah bekerja sendiri iaitu 18 orang responden. Bagi Daerah Kubang Pasu pada jarak kediaman ≥ 6 km dari jalan utama 3 orang responden bekerja sendiri. Responden yang bekerja di sektor swasta adalah rendah bagi kedua-dua daerah iaitu daerah Pendang (satu orang pada jarak kediaman ≤ 1 km dari jalan utama, sepuluh orang pada jarak kediaman 2 kilometer hingga 3 kilometer, dan dua orang responden bagi jarak kediaman 4 kilometer hingga 5 kilometer dan tiada responden jarak kediaman ≥ 6 km dari jalan utama) dan Daerah Kubang Pasu (lapan orang pada jarak kediaman ≤ 1 km dari jalan utama, satu orang pada jarak kediaman 2 kilometer hingga 3 kilometer, dan tiada responden bagi jarak kediaman 4 kilometer hingga 5 kilometer dan jarak kediaman ≥ 6 km dari jalan utama).

Pertalian antara daerah dengan pendapatan (<RM500, RM501-RM1000, RM1001-RM1500, RM1501-RM2000, RM2001-RM2500, RM2501-RM3000, RM3001-RM3500, RM3501-RM4000 dan tiada pendapatan) dan jarak kediaman dari jalan utama, pada jarak kediaman ≤ 1 km dari jalan utama bagi Daerah Kubang Pasu bilangan tertinggi responden ialah berpendapatan RM501-RM1000 iaitu 43 orang responden. Bagi Daerah Pendang bilangan tertinggi responden ialah pendapatan <RM500 iaitu 35 orang responden pada jarak kediaman ≤ 1 km dari jalan utama. Pada jarak kediaman 2 kilometer hingga 3 kilometer dari jalan utama bagi Daerah Kubang Pasu bilangan tertinggi responden ialah pendapatan <RM500 iaitu 12 orang responden dan bagi Daerah Pendang bilangan tertinggi responden ialah 59 orang responden. Pada jarak kediaman 4 kilometer hingga 5 kilometer dari jalan utama tiada responden bagi Daerah Kubang Pasu dan bagi Daerah Pendang bilangan tertinggi responden ialah berpendapatan <RM500 iaitu 10 orang responden. Pada jarak kediaman ≥ 6 km dari jalan utama bagi Daerah Pendang bilangan tertinggi responden ialah berpendapatan <RM500 iaitu 15 orang responden. Bagi Daerah Kubang Pasu pada jarak kediaman ≥ 6 km dari jalan utama 3 orang responden berpendapatan RM501-RM1000.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN DAN RUMUSAN

Bagi kedua-dua Daerah Pendang dan Kubang Pasu, responden adalah penduduk tempatan atau penduduk asal. Majoriti responden iaitu lebih 50 peratus responden daripada semua kampung yang dikaji di kedua-dua daerah telah menetap lebih daripada 21 tahun ke atas kecuali Kampung Kangar di mana kira-kira 42 peratus responden menetap lebih 21 tahun ke atas. Terdapat responden di Daerah Pendang menggunakan perigi atau sungai sebagai sumber air untuk keperluan aktiviti-aktiviti harian dan tidak terdapat responden menggunakan perigi atau sungai sebagai sumber air untuk keperluan aktiviti-aktiviti harian bagi Daerah Kubang Pasu. Bagi Daerah Pendang responden yang menggunakan perigi atau sungai dan tidak menggunakan bekalan air paip boleh dihubungkan dengan Penyataan 5 teori pembangunan yang dipengaruhi infrastruktur (Pierre-Richard Agénor, 2010), yang mempunyai kaitan dengan perbelanjaan kerajaan ke arah pelaburan infrastruktur dan jauh daripada perbelanjaan tidak produktif akan beralih ekonomi kepada satu kedudukan di mana ia boleh mendapat manfaat daripada luaran-luaran yang berkaitan dengan modal awam. Luaran yang positif wujud apabila seorang individu atau firma yang membuat keputusan tidak menerima manfaat penuh keputusan itu. Manfaat kepada individu atau firma itu adalah kurang daripada manfaat kepada masyarakat. Responden yang menggunakan perigi atau sungai ialah dalam kategori luaran positif iaitu membuat keputusan tidak menerima manfaat penuh daripada kemudahan bekalan air. Manfaat bekalan air kepada responden tersebut adalah kurang daripada manfaat kepada masyarakat.

Terdapat responden yang memperolehi bekalan tenaga elektrik menerusi generator bagi kedua-dua Daerah Pendang dan Kubang Pasu. Terdapat kampung-kampung yang hampir dengan kemudahan jalan utama, internet desa dan infodesa bagi kedua-dua Daerah Pendang dan Kubang Pasu. Bagi Daerah Pendang tiada responden yang mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kemudahan pusat internet desa tetapi terdapat responden yang mempunyai pengetahuan tentang kewujudan kemudahan pusat infodesa. Dari segi pola pendapatan responden, didapati secara keseluruhannya tidak banyak perubahan yang berlaku ke atas pola pendapatan responden daripada tahun 1990 sehingga tahun 2005. Secara keseluruhan penduduk berpendapatan di bawah RM1000 sebulan dalam tempoh tersebut. Pertalian antara daerah dengan taraf pendidikan (tidak bersekolah, sekolah rendah, sekolah menengah rendah, sekolah menengah atas dan pengajian tinggi) dan jarak kediaman dari jalan utama, Daerah Pendang mempunyai bilangan responden yang tinggi tidak bersekolah dalam semua kategori jarak.

Pertalian antara daerah dengan pekerjaan (bekerja sendiri, bekerja di sektor awam, bekerja di sektor swasta, surirumah (isteri) dan tidak bekerja (suami) dan jarak kediaman dari jalan utama, bilangan responden tinggi yang bekerja sendiri dalam semua kategori jarak bagi kedua-dua Daerah Pendang dan

Kubang Pasu. Responden yang bekerja di sektor swasta adalah rendah bagi kedua-dua daerah iaitu Daerah Pendang dan Kubang Pasu. Pernyataan 6 teori pembangunan yang dipengaruhi infrastruktur iaitu output berkenaan dengan infrastruktur awam, yang menentukan kesan stok modal awam ke atas produk marginal modal swasta (Pierre-Richard Agénor, 2010). Produk marginal ialah output yang terhasil dari satu unit tambahan faktor pengeluaran (seperti jam buruh atau jam mesin), semua faktor-faktor lain kekal malar. Jam buruh ialah unit kerja yang mewakili usaha produktif satu orang dalam satu jam. Secara mudah berdasarkan pernyataan 6 teori pembangunan yang dipengaruhi infrastruktur boleh dianggap bahawa kesan stok modal awam ke atas produk marginal modal swasta adalah rendah bagi kedua-dua daerah iaitu Daerah Pendang dan Kubang Pasu. Pertalian antara daerah dengan pendapatan (<RM500, RM501-RM1000, RM1001-RM1500, RM1501-RM2000, RM2001-RM2500, RM2501-RM3000, RM3001-RM3500, RM3501-RM4000 dan tiada pendapatan) dan jarak kediaman dari jalan utama, bilangan responden tinggi dalam kategori pendapatan <RM500 bagi semua kategori jarak kecuali Daerah Kubang Pasu bagi jarak kediaman ≤ 1 km dari jalan utama bilangan responden tinggi dalam kategori pendapatan RM501-RM1000.

Rumusannya, kesan pembangunan infrastruktur kepada aspek ekonomi dan sosial penduduk Daerah Pendang dan Kubang Pasu adalah rendah jika dilihat kepada tahap pendidikan dan pendapatan yang masih lagi rendah di kalangan responden. Berdasarkan kepada teori Frishchmann, pembangunan infrastruktur kurang memberi kesan ke atas daya keluaran komuniti dan komuniti juga kurang kebolehan untuk berkongsi kemudahan infrastruktur. Secara keseluruhan berdasarkan kepada pernyataan 5 dan 6 teori pembangunan yang dipengaruhi infrastruktur mencadangkan peralihan besar dalam perbelanjaan kerajaan ke arah infrastruktur yang akan menjana kesan wajar melalui kewujudan tahap kecekapan pelaburan awam yang cukup tinggi. Jika tahap kecekapan tentang pelaburan rendah maka kesan langsung tentang infrastruktur awam ke atas keluaran agak terhad (Pierre-Richard Agénor, 2010). Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi dan sosial yang rendah juga boleh dikaitkan dengan luaran yang positif iaitu apabila seorang individu atau firma yang membuat keputusan tidak menerima manfaat penuh daripada keputusan dalam pembangunan infrastruktur.

RUJUKAN

- Agenor, Pierre-Richard. (2010). A theory of infrastructure-led development. *Journal of Economic Dynamics and Control*, 34 (5), 932-950.
- Ahmad Fawzi Basri. (2002). Kepimpinan politik Melayu Kedah dan pembangunan nasional. Dalam. Mohamed Sukeri Khalid. *Kedah 100 tahun (1900-2000): Isu-isu politik dan sosio-ekonomi*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Alan V. Deardorff, A. V. (2000, 2001, ..., 2010). Deardorff's Glossary of International Economics. Atas talian pada 12 Julai 2011, dari <http://www-personal.umich.edu/~alandear/glossary/m.html#MarginalProduct>.
- Anyanwu, C.N. (1992). Community development: The Nigerian perspective. Ibadan: Gabesther Educational Publishers. Dalam Uhegbu, A.N. (2001). *Deterrents to information service for community development*. Amerika Syarikat: MBC University Press.
- Bilal, S. dan Rampa, F., ECDPM. (2009). What does the European experience tell us on aid for trade?. Dalam Philippe De Lombaerde dan Lakshmi Puri (editors). *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P.: Springer
- Bort, J. R. (2006). The impact of development on Panama's small-scale fisherman. Dalam *Human organization*. Vol. 46, 233-243.
- Budget-neutral. _ eHow [Online]. Atas talian pada 5 Julai 2011, dari http://www.ehow.com/info_7882139_budget-neutral.html.
- Diana, C.W. et. al. (1990). The impact of development policies on health: A review of the literature. Dalam *World Health Organization*. IX, 165.

- ECLAC. (2009). Aid for trade: Strengthening latin American and Caribbean international linkages and regional cooperation. Dalam Philippe De Lombaerde dan Lakshmi Puri (eds.), *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P.: Springer.
- Edmondson, C. (1990). Evaluating the effectiveness of strategic planning for communities. *Economic development review*. 28, 3-22.
- Edwards, P. N., et.al. (2007). *Understanding infrastructure: Dynamics, tensions and design: Report of a Workshop on "History & Theory of Infrastructure: Lessons for New Scientific Cyberinfrastructures"*. NSF, School of Information, University of Michigan, Science Technology dan Society Program, University of Michigan, dan Santa Clara University, Center for Science, Technology, and Society [Online]. Atas talian pada 13 Jun 2011, dari <http://www.sis.pitt.edu/~gbowker/cyberinfrastructure.pdf>.
- ESCWA. (2009). Promoting aid for trade in Western Asia, Dalam Philippe De Lombaerde dan Lakshmi Puri (eds.), *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P.: Springer.
- Externalities*. (2011). *Wikipedia The Free Encyclopedia* [Online]. Atas talian pada 30 Jun 2011, dari <http://en.wikipedia.org/wiki/Externalities><http://en.wikipedia.org/wiki/Externalities>
- Frishchmann, B. M. (2006). *An economic theory of infrastructure and commons management*. American Law and Economics Association Annual Meetings. Atas talian pada 27 Disember 2010, dari <http://web.ebscohost.com.eserv.uum.edu.my/ehost/pdfviewer/pdfviewer?hid=14&sid=e637b24e-cef5-491d-b2c3-2f1796b02838%40sessionmgr11&vid=6>.
- Griffin, S. F. et. al. (2005). Development of multidimensional scales to measure key leader's perceptions of capacity and organizational capacity for teen pregnancy prevention. Dalam *Community health*. Vol. 28, 307-319.
- Haris Abd. Wahab. (2002). Penglibatan masyarakat tempatan dalam projek pembangunan komuniti. Dalam *Seminar Kebangsaan Pembangunan Komuniti*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Lombaerde dan Lakshmi Puri (eds.), *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P.: Springer.
- Laman Rasmi Kerajaan Negeri Kedah. <http://www.kedah.gov.my/kedah/bminfra.shtml>.
- Lerner, E. (1999). What is community? What is community development? <http://home/twcnv.rr.com/ericlerner/pubs/community.html>.
- Local Agenda 21*. <http://www.kpkt.gov.my/jkt/la21/eng1/kajian>.
- Lockwood, V. S. (2006). The impact of development on rural Tahitian women: A comparison of three islands. Dalam *Urban anthropology and studies of cultural systems and world economic development*. Vol. 23, 73-97.
- Luke, D., Luca Monge-Roffarello dan Varma, S., UNDP. (2009). Perspective on aid for trade. Dalam Philippe De Lombaerde dan Lakshmi Puri (eds.), *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P. : Springer.
- Lyon, F. (2003). Community groups and livelihood in remote rural areas of Ghana: How small-scale farmers sustain collective action. *Community Development Journal*, 38, 323-331.
- Malaysia Kita. (2004). *International law book services*. Selangor: International Law Book Services.
- Maimunah Ismail. (1999). *Pengembangan implikasi ke atas pembangunan masyarakat (Edisi kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marginal product*. (2011). *BusinessDictionary.com* [Online]. Atas talian pada 21 September 2011, dari <http://www.businessdictionary.com/definition/marginal-product.html>
- Menteri Besar Kedah. (2011). *Wikipedia Ensiklopedia Bebas* [Online]. Atas talian pada 19 Spetember 2011, dari http://ms.wikipedia.org/wiki/Menteri_Besar_Kedah
- mondaq*. (2009). Nicholas Bliss dan Edward Braham. Atas talian pada 2 Disember 2012, dari <http://www.mondaq.com/article.asp?articleid=82064>
- NEPAD. (2009). The Financing of Infrastructure and the role of Aid: The Case of NEPAD. Dalam Philippe De Lombaerde dan Lakshmi Puri (editors). *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P.: Springer.

- Per Pinstrup-Andersen & Shimokawa, S. (2007) Rural infrastructure and agricultural development. Dalam Bourguignon, F. Dan Boris P. *Annual World Bank conference on development economics, global, 2007: Rethinking infrastructure for development*. Washintong D.C.: World Bank Publications.
- Philippe De Lombaerde, Unu-Cris, dan George Mavrotas, GDN. (2009). Aid for Trade, aid effectiveness and regional absorption capacity. Dalam Philippe De Lombaerde dan Lakshmi Puri (editors). *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P.: Springer.
- Positive Externality. _ economics.fundamentalfinance.com [Online]. Atas talian pada 16 Ogos 2011, dari <http://economics.fundamentalfinance.com/positive-externality.php>.
- Private capital. (1999-2011). *eHow money* [Online]. Atas talian pada 12 Julai 2011, dari http://www.ehow.com/facts_7339192_private-capital_.html?ref=Track2&utm_source=ask,
- Public-Private Infrastructure Advisory Facility Staff. (2003). *Private solutions for infrastructure in Honduras*. Ebrary. Atas talian pada 26 Disember 2010 dari <http://site.ebrary.com.eserv.uum.edu.my/lib/uum/docDetail.action?docID=10044403&p00=infrastructure>.
- Reallocation*. (2011). *RhymeZone* [Online]. Atas talian pada 5 Julai 2011, dari <http://www.rhymezone.com/r/rhyme.cgi?Word=reallocation>.
- Sekaran, U. (2000). *Research methods dor business: A skill-building approach*. U.S.A.: John Wiley & Sons, Inc.
- Shortall, S. & Shucksmith, M. (2001). Rural development in practice: Issues arising in Scotland and Northern Ireland. *Community development journal*, 36, 122-133.
- South Gloucestershire Council. (2003). What is community development? <http://www.southglos.gov.uk/corporate.comm work/comden.htm>.
- Uhegbu, A.N. (2001). *Deterrents to information service for community development*. Amerika Syarikat: MBC University Press.
- UNCTAD. (2009). Aid for trade and development. Dalam Philippe De Lombarde dan Lakshmi Puri (eds.), *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World report on regional integration* __. N.P.: Springer.
- UNECA. (2009). Building Africa's supply capacities and competitiveness through aid for trade, Dalam Philippe De Lombaerde dan Lakshmi Puri (eds.), *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P.: Springer.
- UNEP. (2009). Aid for trade for sustainable development. Dalam Philippe De Lombaerde dan Lakshmi Puri (eds.), *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P.: Springer.
- UNIDO. (2009). Building productive capacities for trade competitiveness: Economic partnership agreements (EPAs) and UNIDO's response. Dalam Philippe De Lombaerde dan Lakshmi Puri (editors). *Aid for trade: Global and regional perspectives: 2nd World Report on regional integration* __. N.P.: Springer.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri. (2004). Statistik Kedah Maju 2010. Kedah: UPEN.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Atas talian pada 19 Disember 2010, dari <http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/Bab3.pdf>.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2006). *Rancangan Malaysia_Kesembilan*. Atas talian pada 20 Disember 2010, dari <http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/Bab5.pdf>.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan*. Atas talian pada 22 Disember 2010, dari <http://www.utusan.com.my/utusan/SpecialCoverage/RMK9/bahasa/Bab8.pdf>.